

**A**LOR SETAR 15 Jun — Petani-petani di sini keciwa dengan keputusan Senator Dr. Mahathir "tidak lagi mahu bercakap atas sebarang masalah mengenai padi dan beras."

Pengerusi Persekutuan Penanam-penanam Padi Kedah, Haji Ali Haji Ismail menyatakan kepada Utusan Malaysia sekiranya Dr. Mahathir benar-benar hendak berbuat demikian maka "kami rasa sangatlah tidak patut."

Lebih daripada 50,000 orang petani-petani di sini, katanya, akan kehilangan pemimpin yang bertanggungjawab dan mahu bersuara atas kesusahan-kesusahan mereka dengan berani dan jujur.

Katanya, sebagai seorang pemimpin, Dr. Mahathir mestilah meneruskan perjuangannya bagi membela nasib semua petani di negeri ini dalam sebarang perkara yang bersangkutan dengan padi dan beras.

Menurut Pengerusi Persekutuan Penanam Padi Kedah itu sekiranya Dr. Mahathir enggan memperkatakan apa-apa juga mengenai padi dan beras di negeri ini samalah ertinya Dr. Mahathir tidak lagi mahu menyuarakan masalah yang dihadapi oleh petani-petani di sini.

Seorang petani dari Kepala Batas Bukit Tinggi di sini Encik Mustapha Ismail, 52 tahun, telah datang ke Pejabat Utusan Malaysia di sini pagi ini dan menyatakan rasa keciwa petani-petani apabila membaca pengumuman Dr. Mahathir enggan lagi menyebutkan soal padi dan beras.

Menurut Encik Mustapha, sungguhpun Dr. Mahathir tidak melibatkan diri secara langsung dalam urusan padi dan beras di negeri ini tetapi beliau merupakan seorang yang bertanggungjawab kepada petani-petani dalam perkara itu.

Katanya, apa yang dikatakan oleh Dr. Mahathir mengenai harga padi yang dihadapi oleh petani-petani dan potongan basah yang dibuat oleh LPN itu adalah satu kenyataan yang seharusnya tidak boleh dinafikan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Menurut Encik Mustapha lagi teguran yang dibuat oleh Pengerusi LPN kepada Dr. Mahathir merupakan satu penekanan terhadap kenyataan dari seorang pemimpin yang bertanggungjawab dan menyuarakan kebenaran.

Bellau menyebut lagi sekiranya tidak ada pemimpin yang sanggup menerima kritik dan teguran sela-

gi itu hasrat yang diperjuangkan oleh kerajaan terhadap golongan-golongan rendah terutamanya petani-petani tidak dapat dicapai.

## BERHARAP

Seorang lagi petani Encik Yunos bin Haji Hassan 40 tahun dari Kampung Sendaka Tengah Yan pula berharap Senator Dr. Mahathir tidak akan terus meninggalkan petani-petani di negeri ini.

Katanya, petani-petani tetap dan sentiasa berharap Dr. Mahathir akan terus menyuarakan masalah mereka mengenai keadaan harga-harga padi dan beras supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab mengerti kedudukan yang sebenarnya.

Sekiranya Dr. Mahathir tidak lagi mahu menyebut masalah padi dan beras ini, bererti petani-petani di sini tidak lagi mempunyai pemimpin yang benar-benar merasai apa yang dirasai oleh petani untuk diperkatakan kepada pihak yang berkenaan, ujarnya.

Perlu disebut Dr. Mahathir telah mengumumkan keputusannya untuk tidak mahu lagi bercakap dalam soal padi dan beras berikutan dengan suatu kecaman Pengerusi LPN, Tan Sri Syed Nasir yang dianggap oleh Dr. Mahathir sebagai menimbulkan anggapan bahawa beliau adalah memperjuangkan kepentingan diri sendiri.

Dr. Mahathir telahpun menarik diri dari menjadi anggota Lembaga Pengarah PELARAS yang ada membuat permohonan untuk mendapatkan lesen mengimpor beras dari Thai.

Dr. Mahathir mendakwa beliau tidak tahu mengenai permintaan itu sehingga minggu lalu bila beliau diberitahu oleh pengurus urusannya.